

# **LEGASI ISLAM DI PAHANG**

## **WADAH TRANSFORMASI JATI DIRI UMAT GEMILANG<sup>1</sup>**

**Prof. Dr. Abd Jalil bin Borham**  
**Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan,**  
**Universiti Malaysia Pahang**

### **Abstrak**

Kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu dan Pahang khususnya adalah satu bidang kajian yang sangat penting untuk melahirkan gambaran yang tepat dalam sejarah Islam di Nusantara setelah ia dikaburi oleh berbagai teori orientalis. Di Pahang terdapat sebuah batu nisan yang ditemui di Kg. Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang jaraknya begitu hampir dengan Universiti Malaysia Pahang Kampus Pekan. Pada batu tersebut tertulis ayat-ayat al-Qur'an dan sya'ir Arab di samping terdapat tarikh si mati meninggal dunia pada waktu Subuh hari Rabu 14hb. Rabi`ul Awal tahun 419 Hijrah bersamaan dengan 12 April tahun 1028 Masihi. Hal ini jelas membuktikan bahawa kedatangan Islam ke Pahang adalah lebih awal daripada tarikh yang dibuktikan sebelumnya oleh Batu Bersurat di Kuala Berang Terengganu yang bertarikh tahun 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi, iaitu perbezaan selama 275 tahun.

Lubuk Pelang pula adalah sebuah pusat pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Melayu Nusantara. Pada tahun 1640 Hamzah Fansuri telah pergi ke Lubuk Pelang untuk mendalami ilmu Hakikat dan ilmu Tasawuf. Pusat pengajian di Lubuk Pelang di Bukit Ketupat, Jerantut ini telah menjadi pusat tumpuan pengajian dari serata tempat khususnya dari tahun 1490 hingga 1640 di bidang tasawuf. Hukum Kanun Pahang pula telah dijadikan perlombagaan negeri itu sejak tahun 1592. Pahang diisytiharkan sebagai Dar al-Islam oleh Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah pada tahun 1592.

Dari segi pentadbiran, kerajaan Melayu Pahang ditadbir oleh seorang sultan yang mempunyai kuasa penuh dalam urusan pentadbiran negara. Sultan juga berperanan sebagai ketua dalam agama Islam dan ketua negara. Sultan juga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Tradisi keilmuan yang ditekankan oleh Islam juga telah mengembangkan tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun hingga melahirkan sebuah universiti.

Bahasa Melayu dikatakan telah menjadi salah satu bahasa yang tertinggi bilangan penggunanya. Ia menjadi bahasa rasmi kepada lebih daripada 200 juta umat manusia di Alam Melayu sebagai bahasa "lingua franca" di rantau ini. Tulisan jawi dalam bahasa Melayu turut diperkenalkan. Tulisan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan tulisan atau huruf Arab dalam bahasa al-Qur'an dan huruf Parsi. Seiring dengan kemunculan bahasa Melayu bertulisan

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 12 Mac 2014.

jawi tersebut maka bermulalah perkembangan sastera tulisan, sedangkan sebelumnya hanya terdapat sastera lisan sahaja.

Kini negeri Pahang terkenal antara negeri yang mempunyai perundangan Islam yang baik dan kemas di samping terdapatnya institusi keagamaan yang tersusun dan teratur setanding dengan negeri-negeri lain. Pada tahun 1982, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dikanunkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Pahang telah memberi kesan yang besar dan meluas dalam kehidupan masyarakatnya. Ia telah menjadi wadah transformasi bagi melahirkan jati diri masyarakatnya menjadi umat yang gemilang dan bermaruah.

Kata kunci: Islam di Pahang, Permatang Pasir, Lubuk Pelang

## 1.0 Pendahuluan

Kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu dan Pahang khususnya serta kesannya kepada rakyat di negara tersebut adalah satu bidang kajian yang sangat penting untuk melahirkan gambaran yang tepat dalam sejarah Islam di Nusantara setelah ia dikaburi oleh berbagai teori orientalis. Sebelum dikaji lebih lanjut sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah perlu kita melihat tahap-tahap kedatangan Islam bermula dari asal kedatangannya hingga kepada subjek kajian yang akan dibincangkan.

Proses pengislaman Alam Melayu dan Pahang adalah berkait rapat dengan pengislaman penduduk Nusantara. Ini disebabkan istilah “Malay World” atau “Malay Archipelago” serta batas-batas geografinya terkandung di dalam kawasan Semenanjung Tanah Melayu. Kenyataan ini disokong oleh ahli-ahli sejarah tempatan dan Barat termasuk Prof. Hamka (Hamka, 1965: 417). Beliau menyebut yang dimaksudkan dengan negeri-negeri Melayu ialah dari Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dari Pulau-Pulau Nusantara. Kemudian Pulau-Pulau Maluku termasuk Irian, terus ke Pulau Luzon dan Mindanao. C.A.Majul yang mengistilahkannya sebagai Malaysia (C.A.Majul, 1962: 334).

Negeri Pahang Darul Makmur ialah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu dengan keluasan 35,515 kilometer persegi. Kemasyhuran dan kehebatan namanya pada masa dahulu menjadi rebutan kerajaan yang ada di sekelilingnya. Pada masa ini Pahang adalah negeri di Semenanjung dengan terbahagi kepada sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Manakala penduduknya pula terdiri dari berbagai kaum dan bangsa (Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan: 2002).

## 2.0 Asal Usul Nama Pahang

Pada zaman dahulu Pahang mempunyai berbagai nama. Catatan China menyebutnya sebagai Pang-Hang, Peng-Heng, Pang-Heng, Pong-Fong, Phe-Hang, Pang-Kang dan lain-lain. Pada tahun 1225 Chao Ju-Kua telah mengarang sebuah buku bernama Chu-Fan-Chi, beliau

menyatakan antara beberapa buah negeri yang ditakluki di bawah kuasa San-Fo-Chi ialah negeri yang bernama Peng-keng atau Pahang (Friedrich Hirth & W.W. Rockhill:1911).

Perkataan “Pahang” diambil dari perkataan Kemboja yang bermakna “Bijih Timah.” Ini kerana pada masa dahulu negeri Pahang kaya dengan hasil bijih tersebut. Di dalam buku-buku rujukan lain negeri Pahang dipanggil dengan pelbagai nama seperti Pong-Fong di dalam istilah orang Cina, Pan atau Pam di dalam istilah Arab, Phaung atau Pahang di dalam buku-buku orang Eropah. Pelbagai istilah ini menunjukkan pelbagai bangsa telah datang ke Pahang untuk bermiaga atau menjelajah. Bagi Orang Asli nama negeri Pahang diambil dari Pokok Mahang, iaitu sebatang pokok yang besar terletak di Kuala Pahang Tua. Negeri ini disebut juga “Inderpura” atau “Pura” sahaja sebagaimana dinyatakan di dalam Kitab Sejarah Melayu. Nama pura bermaksud bandar atau pekan, maka “Pekan” kekal namanya sehingga ke hari ini dan disebut orang “Pekan Pahang”, asalnya ia nama sebuah negeri atau negara. (W. Linehan, History of Pahang).

Orang Arab dan orang Eropah zaman dahulu menyebut Pam, Pan, Phang, Paam, Pao, Paon, Phaan, Paham, Fanhan, Phang dan Pahagh. G.R. Tibbetts, seorang ahli sejarah yang mengulas kisah yang ditulis buku karangan penulis Arab, Mas`udi berpendapat nama-nama tersebut ialah Pahang (G.R. Tibbetts: 2002). Beliau lebih bersetuju menyebut perkataan Fanjab itu sebagai Fanhan, Panghang atau Panhang. Semuanya itu dimaksudkan dengan Pahang. Ada setengah pendapat menyatakan Pahang berasal dari bahasa Siam dan Khmer yang bermaksud timah. Orang Siam dahulunya pernah mendiami negeri ini dan membuka lombong bijih timah terutama di Sungai Lembing.

Mengikut cerita orang tua-tua Melayu pula, pada zaman dahulu di Sungai Pahang iaitu bertentangan dengan Kampung Kembahang, ada sebatang pokok kayu mahang yang besar rebah melintang menyeberangi sungai itu. Dari pokok mahang itu kononnya berasal nama Pahang. Dalam Hikayat Hang Tuah dan lain-lain catatan lama, Pahang dirujuk sebagai ‘Indera Pura’ dan ibu negerinya ialah Pekan (Buyong Adil: 1984). Hingga ke hari ini Pekan dikenali sebagai Bandar Diraja. Sebelum ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka ia dikenali sebagai Pura.

Dari jumpaan sejarah didapati beberapa alat kegunaan masyarakat dahulu tertanam di Gunong Senyum dan di Sungai Lembing Kuantan yang menunjukkan ia dari Zaman Mesolithic dan Noelicthic. Manusia zaman batu telah menduduki Pahang sejak awal lagi. Dijumpai beberapa peralatan dari Cina di Pahang yang bertarikh 1500 sebelum Masihi, seperti bekas makanan dan tempat menyimpan peralatan rumah. Dijumpai juga sebuah Gendang Gangsa di Kg Tersang Kuala Tembeling bertarikh 400 sebelum Masihi. Ini menunjukkan di negeri Pahang pada masa itu sudah maju dan mempunyai tamadun serta bandar. Bandar ini merupakan bandar perlombongan emas yang besar dan terkenal serta didatangi oleh ramai pendatang dari seluruh dunia.

### **3.0 Sejarah Ringkas Negeri Pahang**

Kewujudan Pahang mula di ketahui oleh ahli sejarah menerusi peta yang dilukis oleh Ptolemy yang menceritakan berkenaan kedudukan Semenanjung Emas. Beliau telah menamakan

Semenanjung Tanah Melayu sebagai *Golden Chersonese* atau pun *Aurea Chersonesus* yang bermaksud *Semenanjung Emas* atau *Tanah Emas*. Melalui *Wikipedia*, ada dinyatakan bahawa nama *Golden Chersonese* ini diberikan kerana reputasi Semenanjung Tanah Melayu yang pada waktu itu sangat terkenal sebagai pembekal emas di seluruh dunia. Ini juga disokong oleh teks-teks *Buddha Theravada* yang menggelarkan Semenanjung Tanah Melayu sebagai *Suvarnabhumi* yang juga bermaksud *Tanah Emas*. Gambaran dari peta tersebut jelas kelihatan Sungai Pahang. Peta yang dilukis oleh Ptolemy menarik perhatian para pedagang dari seluruh Eropah dan Tanah Arab untuk datang ke blok sebelah Asia Tenggara untuk mendapatkan emas.

*William James Perry* di dalam bukunya *The Children of the Sun* yang diterbitkan pada tahun 1927 ada merekodkan seperti berikut: “*The Malay Peninsula contains numerous remains of antiquity, not in the form of temples, but of ancient mines, the technique of which testifies to a high civilization.*” Terdapat begitu banyak loji-loji kuno yang digunakan untuk melombong emas dijumpai di serata Semenanjung Tanah Melayu. Loji-loji ini didapati menggunakan teknologi-teknologi yang terlalu tinggi sehingga menyebabkan para sarjana sukar untuk mempercayai bahawa ianya dibina dan dikendalikan oleh orang Melayu sehingga ada yang mengatakan bahawa ia dibina oleh bangsa asing yang tidak diketahui. *Perry* dipetik sebagai menyebut: “*In this same region of the Tui valley have been found some stone rings whose use and makers are entirely unknown. Neither Malays nor Chinese in Pahang has any reasonable theory of the origin or the possible use of these things and it seems very improbable that the rings could have been made by either of these peoples. There are other signs of an alien people in this state.*”

*Perry* juga memetik catatan *Hugh Clifford* berkenaan dengan penemuan loji-loji emas kuno ini. *Clifford* nampak lebih terbuka untuk menerima penemuan-penemuan loji-loji emas kuno ini sebagai jawapan kepada persoalan kenapa Semenanjung Tanah Melayu digelar sebagai *The Golden Chersonese*. *Clifford* dipetik sebagai berkata: “*The recent discovery in the Malayan state of Pahang, the homes of apes and ivory and peafowl, of immense goldmine of very ancient date and of a workmanship that has no counterpart in southeastern Asia, supplies an ample reason for the designation of Golden so long applied to the Chersonese. Here hidden away under the shade of the primeval forest, are excavations, which must have yielded in their time tons of their precious metal.*”

Pelayar China, I-Tsing (634-713) yang belayar ke Sumatera pada abad ke-7 memanggil kawasan-kawasan sekitar Sumatera sebagai Chin-Chou bermaksud negeri-negeri emas merujuk kepada Kerajaan-kerajaan Melayu Tua di dalam teks pelayarannya. Laksamana Cheng Ho atau *Zheng He* (1371–1433) dikatakan pernah melawat Gunung Ledang. Beliau dikatakan melawat lombong-lombong emas di Gunung Ledang dan mengambil contoh emas-emas tersebut untuk pengetahuan rajanya. Mengikut Sejarah Siam, Raja Suryavarman II membawa 700 ekor gajah untuk membeli emas dengan pemimpin Melayu di Raub, Pahang bagi membina Angkor Wat pada pertengahan abad ke 12.

Berabad-abad lamanya para musafir Arab menyebut pulau Sumatera dengan nama *Suwarandib* dan kemudian orang-orang Melayu era Klasik menyebutnya sebagai *Tanah Serendib* (rujuk Sejarah Melayu), di mana kata ‘Suwarandib’ ini sebenarnya adalah penjelmaan dari nama ‘Suvarnadwipa’ dalam lengkok lidah orang Arab. Abu Raihan Al-Biruni, ahli geografi berbangsa Parsi yang mengunjungi Sriwijaya pada tahun 1030 Masihi, ada mencatatkan bahawa negeri Sriwijaya terletak di Pulau Suwarandib iaitu Pulau Emas yang menakjubkan itu.

Dalam peta lama Portugis, nama *Gemih* ini ditulis sebagai *Gummay* yang bermaksud sebuah pusat perusahaan emas. Menurut Kolonel Gerini (1904), Gemih masih merupakan pusat perlombongan emas orang-orang Melayu di Gunung Ledang sehingga tahun 1817. Kemewahan dan kekayaan Tanah Melayu dengan emas sangat terkenal dari zaman Firaun dan Nabi Sulaiman lagi. Gunung Ledang di Johor dikaitkan dengan *Mount of Ophir* merujuk kepada “Lombong Emas Solomon” yang masih menjadi misteri dunia (*Ophir* berada di Philipines) menyebabkan Tanah Melayu sentiasa diancam, diserang dan dijajah. Nenek moyang Melayu dahulu pernah mengganut Agama Buddha ketika Tamadun Aryan berkuasa, agama Hindu ketika Brahmin-Brahmin India datang berniaga di sini dan akhirnya Islam setelah berhubung terus dengan saudagar-saudagar Arab di Melaka dan Sumatera.

Akhirnya, Tanah Melayu telah dijajah oleh semua kuasa, termasuk Siam, Champa, China, India, Portugis, Belanda, British dan Jepun bagi menguasai hasil kekayaan emasnya. Ketika zaman imperialisme, British begitu berminat untuk menguasai pengeluaran emas di negeri Pahang yang ketika itu dipimpin oleh Sultan Ahmad dengan pelbagai helah dan tentangan dari pemimpin setempat. Akhirnya mereka dapat menguasai Pahang dengan bantuan Raja Abu Bakar dan Residen British pertama dilantik di Pahang adalah JP Roger pada tahun 1824. Rounseville Wildman, seorang penulis terkenal dari Amerika Syarikat telah menemui seketul logam yang diambil dari kawasan lombong di tebing Sungai Gemih pada tahun 1894, apabila dileburkan didapati mengandungi emas.

#### **4.0 Kedatangan Islam Ke Pahang**

Hubungan perdagangan bangsa Arab dan Parsi dengan daerah Nusantara dikatakan sudahpun berlaku sejak sebelum kelahiran Islam lagi (Khan Bahadur Ahsanullah, 1931: 18, Hamdan Hassan, 1980: 71). Sesungguhnya pusat perniagaan di “Zofar al-Hamud” (Ibn Batutah, 1960: 259) yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab merupakan tempat persinggahan perdagangan sama ada melalui jalan darat maupun jalan laut. Oleh kerana keperluan yang tinggi bagi mendapatkan barang-barang dagangan yang hanya terletak di Nusantara seperti lada hitam, rempah, bunga cengkih, kemenyan, kapur barus dan buah pala yang diperlukan di Asia Barat dan Maditeranean, pedagang-pedagang tersebut telah terdorong untuk datang ke Nusantara (Dada Meuraxa, 1973: 48).

Kebanyakan barang-barang tersebut terutamanya kapur barus banyak didapati di Nusantara khususnya di daerah Sumatera, di mana pelabuhannya yang terpenting ketika itu ialah Barus. Mungkin nama pelabuhan Barus adalah mengambil sempena daerahnya yang banyak mengeluarkan kapur barus. Di dalam al-Qur'an perkataan “*kafur*” (Al-Qur'an, *surah al-Insan* (76): 5) ditafsirkan sebagai kekuatan yang boleh melindungi sesuatu daripada rosak dan mempunyai bau yang harum, iaitu kapur barus (Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il, 1981: 455).

Dari kenyataan di atas dapatlah ditegaskan bahawa seolah-olah terdapat kesepakatan di kalangan sarjana-sarjana Islam mengenai berlakunya hubungan di antara pedagang-pedagang Asia Barat dengan Nusantara sejak sebelum kemunculan Islam lagi. Motif perhubungan di antara mereka ketika itu adalah semata-mata mengenai perdagangan. Hubungan di antara

mereka dikatakan berlaku sejak sebelum abad kelima Masihi lagi dan berkekalan sehingga kelahiran Islam pada kurun ketujuh Masihi (G.R. Tibbetts, 1957: 7).

Antara tulisan-tulisan yang dianggap paling awal di kalangan sarjana Islam Arab ialah bahagian pertama Kitab “*Akhbar al-Sin wa al-Hind*” (Tibbett, 1957: 13) yang merupakan kutipan daripada beberapa catatan yang ditulis oleh kebanyakan penulis Islam pada tarikh-tarikh yang berbeza. Abu Zayid, sebagai orang yang bertanggungjawab menyusun kitab tersebut telah memberikan tarikh tahun 237 Hijrah bersamaan 851 Masihi. Kemungkinan ia adalah tarikh asas penyusunannya. Ini disebabkan antara catatan yang dikumpulkan oleh beliau adalah dari seorang pengembara yang bernama Sulaiman sebagaimana yang tercatat juga dalam catatan Cina.

Kitab “*Akhbar al-Sin wa al-Hind*” menyatakan, dalam perjalannya ke Cina dia telah singgah di beberapa buah tempat di Nusantara, antaranya Kalah dan Pulau Tioman yang telah digunakan untuk mengambil bekalan air bersih. Di Kalah (Kedah) ia dapat memerhatikan suatu organisasi kerajaan yang berjalan dengan teratur. Tetapi bagi pedagang-pedagang Arab apa yang bernali bagi mereka ialah bekalan air bersih (Tibbett, 1957: 13).

Manakala Tioman pula adalah sebuah pulau yang juga mempunyai bekalan air bersih dan jauhnya dari Kalah sepuluh hari perjalanan. Perjalanan “*Akhbar al-Sin*” adalah dari Ceylon ke Kalah di sebelah barat Semenanjung Tanah Melayu, kemudian ke bahagian Selatan Tanah Melayu terus ke Pahang di Pulau Tioman di sebelah timur Tanah Melayu dan dari sana terus ke Indo-Cina. “*Akhbar al-Sin*” menerangkan hubungan perdagangannya dengan Cina begitu terperinci dan menunjukkan bagaimana tingginya organisasi yang berlaku.

Selain dari kitab “*Akhbar al-Sin*”, catatan yang ditulis oleh sarjana Arab Islam lain adalah kitab “*al-Masalik wa al-Mamalik*” yang ditulis oleh Ibn Khurdadhbih pada tahun 846-847 Masihi dan disemak semula pada tahun 885-886 Masihi (Ibn Ishaq Ibrahim bin Mohammad al-Farisi al-Astakhri, 1961: 21). Tulisan ini merupakan kumpulan catatan para pengembara dan pedagang Arab berdasarkan keterangan-keterangan mereka sebelum tarikh kitab ini ditulis lagi. Perjalanan Ibn Khurdadhbih melalui India Timur berkait rapat dengan perjalanan “*Akhbar al-Sin*” kecuali selepas Pulau Tioman, beliau berhenti di suatu tempat yang bernama ”*Ma’it*” (Tibbetts, 1957: 15). Kemungkinan besar ia berhampiran dengan selatan Tanah Melayu, sama ada di Semenanjung Tanah Melayu atau salah sebuah pulau dari pulau-pulau di Kepulauan Riau-Lingga.

Kedua-dua catatan Arab tersebut menyatakan dengan jelas perjalanan mereka dari Ceylon ke Cina yang melalui persinggahan-persinggahan penting di Kalah dan pelabuhan-pelabuhan di selatan Semenanjung Tanah Melayu. Kemungkinan telah wujud suatu hubungan perdagangan di sepanjang Pantai Selat Melaka sebagaimana digambarkan oleh Ibn Khurdadhbih (844-848 M) yang menyebut kawasan “*Salahit*” di selatan Tanah Melayu = Selat dan pulau-pulau di Kepulauan Riau-Lingga pada abad tersebut (R.O.Winstedt, 1969: 33). Salah satu tempat yang telah dilawati ialah di sebelah Pahang dan yang pastinya ialah Pulau Tioman. Mengikut Rouffaer pula “*Salahit*” ialah Tasik = Temasik (pada abad ke-14M) = Samudera Lama = Singapura (pada abad ke-15M), sementara tanah besarnya ialah Wurawari (catatan Jawa Tua = “air jernih”) daripada abad ke-10 hingga ke-11M = Ganggau, iaitu

Gangga ayu (catatan Jawa Tua = “air segar”) sebelum tahun 1450 tetapi masih digunakan sehingga zaman Sejarah Melayu (1612 M) pada abad ke-16M (R.O.Winstedt, 1922: 258, 1923: 253, Shellabear, 1896: 16).

Daripada catatan-catatan di atas dapatlah dikatakan bahawa Pahang adalah antara tempat-tempat terawal menerima pengaruh Islam terus daripada pedagang-pedagang Arab Islam selain daripada negeri-negeri Melayu yang lain. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan catatan Cina Dinasti Sung (960-1276M) yang menyebut kedatangan Islam di sepanjang persisiran Laut Cina Selatan seawal-awalnya berlaku pada tahun 977 Masihi (S.Q.Fatimi, 1963: 67). Catatan Cina menyebut Pahang sebagai “Lou-yueh” (Prof. Wang Gungwu, 1958: 95) dan menjadi pintu masuk dan keluar pedagang-pedagang Arab dan Cina (Ronald Braddell, 1969: 17). Ramai di kalangan sarjana Barat mengatakan bahawa kedua-dua sumber tersebut tidak menyebut langsung penyebaran Islam di tempat-tempat yang dilawati oleh pedagang-pedagang Arab. Antaranya ialah Garrison (G.E. Garrison, 1951: 28) dan A.H.John (A.H. John, 1985: 20), di mana mereka mengatakan lawatan pedagang-pedagang Arab hanyalah bermotifkan perdagangan semata-mata. Namun hakikatnya penyebaran Islam sentiasa tidak boleh dipisahkan sama sekali dengan diri mereka yang mengaku Islam sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. Hal ini juga tidak terkecuali bagi pedagang-pedagang Arab yang telah sampai di Kepulauan Melayu termasuk Pahang.

Selain hubungan perdagangan dengan pedagang-pedagang Nusantara, mereka juga telah menjalankan perniagaan dengan Cina (Victor Purcell, 1947: 115). Walaupun pada ketika itu terdapat jalan perdagangan darat di antara Asia Barat dan Cina tetapi ia dikatakan kurang selamat dan begitu sukar (J.V.Mills, 1974: 7, Rudolf Leowenthal, 1960: 13). Sebagai alternatifnya mereka menggunakan jalan laut ke Cina dengan melintas pantai India dan Asia Tenggara mengikut angin monsun (J.A.E. Morley, 1949: 148). Ada di kalangan pedagang-pedagang ini menetap sementara di sepanjang jalan perdagangan Asia Barat-Cina bagi menunggu perubahan angin monsun. Tidak dinafikan ada yang terus tinggal menetap berkahwin dengan penduduk tempatan dan meninggal dunia serta dikebumikan di kawasan tersebut. Menurut catatan Cina, hubungan Asia Barat-Cina telah berlaku pada abad keempat Masihi lagi kerana pada ketika itu sudahpun terdapat penempatan kedua bangsa Arab di Cina (Brian E. Colle, 1969: 12).

Menurut Tibbetts, Dinasti Sasanid di Parsi yang diasaskan pada abad ketiga Masihi merupakan sebuah kerajaan yang mengadakan hubungan perdagangan dengan Cina (Yang I-Fan, 1969: 2). Keperluan ekonomi di Cina Selatan menguatkan lagi hubungan perdagangan kedua negara tersebut (Wang Gungwu, 1958: 71). Pedagang-pedagang Asia Barat dalam kegiatan perdagangan dengan Cina dikatakan telah singgah di beberapa pelabuhan India di Nusantara. Di India pelabuhan yang menjadi tumpuan termasuklah Daybul, Cambay, Sindabul dan Samundar. Manakala di Nusantara ialah Lambri, Barus, Andaman, Kalah (Kedah), Panghang (Pahang), Tiyuman (Tioman) dan Melaka (Dr. Omar Amin Hussin, 1962: 69 dan Nagendra Singh, 1970: 18). Pelabuhan Melaka dikatakan telah muncul sejak abad kelapan Masihi lagi, iaitu enam abad sebelum kedatangan Parameswara yang disebut ”Malaqah” bermaksud tempat pertemuan atau pusat perdagangan (Wan Hussein Azmi, 1980: 137).


Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa hubungan perdagangan antara Asia Barat, Arab, Parsi juga India dengan Nusantara dan Cina telah berlaku sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Dengan itu tidaklah dapat dinafikan pendapat sejarawan yang mengatakan bahawa sejak permulaan Islam lagi terdapat hubungan antara pedagang-pedagang Arab dan Parsi dengan Asia Tenggara.

Suatu pendapat lagi lahir pada tahun 1613 Masihi yang dinyatakan oleh seorang saintis Sepanyol, Emanuel Godinho Eradia (S.Q.Fatimi, 1963: 67). Beliau menyatakan bahawa, “*Aqidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Patani dan Pan di Persisiran Pantai Timur dan selepas itu barulah ia diterima dan disebarluaskan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka pada tahun 1411 Masihi.*”

Di samping itu tersebut di dalam sejarah Dinasti Sung (960-1279M) bahawa Islam telah berkembang di sepanjang pantai laut Cina pada tahun 977 Masihi. Bukti penemuan sekeping dinar emas bertarikh 577 Hijrah dengan catatan “al-Julus Kelantan” menunjukkan sebuah kerajaan Islam Kelantan telah wujud di sana (Sa`ad Shukri Hj. Muda, 1971: 28). Semuanya ini boleh menguatkan hujah Godinho Eradia.

Pertambahan pesat penduduk Cina yang beragama Islam adalah dengan sebab perhubungan yang baik di antara pedagang-pedagang Arab dan Cina. Mereka menjadikan Canton sebagai pusat perniagaan yang berkembang dengan begitu maju sebagaimana dicatatkan oleh al-Mas`udi dalam bukunya “Muruj al-Zahab”, “*Khan Fu (Canton) adalah sebuah pelabuhan yang besar dengan kapal-kapal yang datang dari Basrah, Oman, Syria dan bandar-bandar India, Pulau-Pulau Zabij (Indonesia) dan Champa di Selatan Indo Cina*” (C.E.Bosworth, 1980: 465).

Pada tahun 878 Masihi, pada zaman pemerintahan Hsi Tsung dikatakan tercetus satu pemberontakan di Canton yang menyebabkan seramai 120,000 hingga 200,000 orang Arab terbunuh. Akibatnya ramai dari mereka melarikan diri ke Kalah (Kedah) dan Palembang (Syed Naquib al-Attas, 1969: 11). Begitu juga pada akhir pemerintahan Dinasti Tang (618-905M) berlaku satu pemberontakan lain di wilayah Yang Chow yang mengakibatkan seramai 5,000 orang rakyat asing terbunuh dan kebanyakannya orang-orang Arab. Akibatnya mereka melarikan diri ke Kepulauan Melayu. Kemungkinan inilah yang menjadi asas kepada dakwaan para sejarawan yang mengatakan Islam datang ke Nusantara dari Cina. Dakwaan ini dikuatkan lagi dengan bukti beberapa batu nisan yang terdapat di Nusantara. Antaranya batu nisan di Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang bertarikh 419 Hijrah bersamaan 1028 Masihi, batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 Masihi (Syed Naquib al-Attas, 1970: 24, Omar bin Awang, 1985: 189) dan duit syiling emas di Kubang Labu, Kelantan bertarikh 1181 Masihi. Pendapat inilah juga yang dipegang kuat oleh S.Q.Fatimi bagi membuktikan teori Islam datang dari Cina. Dr.O.W.Wolter pula menyatakan telah wujud hubungan Parsi-Cina sejak abad ke-3 Masihi lagi berdasarkan Cina pada ketika itu memerlukan barang “Po-ssu” (Parsi) (Dr. O.W.Wolters, 1967: 56, Tom Harrison, 1972: 20).



**Batu Bersurat Kuala Berang, Terengganu 1303**

Selain dari Cina, ada pula teori yang mengatakan bahawa Islam telah dibawa dari Champa atau Kemboja. Menurut R.A.Kern, orang-orang Islam di Nusantara berasal dari Indo-Cina (S.Q.Fatimi, 1963: 42). Dalam kurun ke-7 Masihi dikatakan orang-orang Melayu telahpun mengadakan hubungan dengan penduduk-penduduk Champa dan Kemboja. Islam dikatakan telah berkembang di Champa iaitu di daerah Phanrang sejak abad ke-8 Masihi lagi. Pendapat ini telah disokong oleh S.Q.Fatimi yang menyebut bahawa wujud hubungan “Melayu-Polynesian” dari Kerajaan Champa dengan penemuan batu nisan di Leren, Jawa Timur bertarikh 1082 Masihi (S.Q.Fatimi, 1963:38).

Selain dari Melaka, Terengganu juga tidak boleh diketepikan. Menurut catatan Cina penemuan Fo-lo-an atau Terengganu di sebelah Laut Cina Selatan menunjukkan Islam telah sampai di pantai timur Tanah Melayu (Brian E. Colles, 1969: 38). Kenyataan ini disokong oleh Syed Naquib al-Attas (Syed Naquib al-Attas, 1970: 24) dan Prof. Abdul Jalil Hassan (Prof. Abdul Jalil Hassan, 1968: 14) dengan bukti penemuan batu bersurat di Hulu Sungai Berang pada tahun 1899 Masihi. Batu yang bertulisan jawi itu menerangkan secara ringkas hukum-hukum Islam bertarikh 4hb. Rejab tahun 702 Hijrah bersamaan 22hb. Februari, tahun 1303 Masihi. Manakala Paterson melaporkan tarikh yang dianggarkan adalah bersamaan tahun 1326 atau 1386 Masihi (H.S. Paterson, 1924: 252-261). Berdasarkan fakta yang didapati bolehlah dikatakan bahawa Terengganu telah menerima Islam pada abad ke-13 Masihi.

Di Pahang pula terdapat sebuah batu nisan yang ditemui di Kg. Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang jaraknya begitu hampir dengan Universiti Malaysia Pahang Kampus Pekan iaitu sejauh 4.5 km. Pada batu tersebut tertulis ayat-ayat al-Qur'an dan sya'ir Arab di samping terdapat tarikh si mati meninggal dunia pada waktu Subuh hari Rabu 14hb. Rabi`ul Awal tahun 419 Hijrah. Mengikut kiraan penyelidik tarikh tersebut adalah bersamaan dengan 12 April tahun 1028 Masihi (Islamicity.com hijri date converter). Pengesahan tarikh yang tercatat pada batu nisan ini telah dilakukan pada 6hb. Ogos, 1980 oleh Jabatan Agama Islam Pahang dan disahkan oleh Kurator/Setiausaha Lembaga Muzium Negeri Pahang, Encik Mohd Mokhtar Abu Bakar.

Menurut artikel yang ditulis oleh Dato' Sir Mahmud bin Mat dalam The Malayan Historical Journal Vol. 2 No. 2 Disember 1955, pada bulan Jun, 1953, penduduk Kg. Permatang Pasir Pulau Tambun, Pekan Pahang telah menggali lubang kubur untuk mengkebumikan mayat seorang kanak-kanak perempuan. Lebih kurang kedalaman 3.5 kaki, mereka menemui sebuah batu nisan yang tertulis ayat-ayat al-Quran dan syair dalam bahasa Arab dengan menggunakan khat sulus. Kajian pengesanan ini telah dilakukan oleh Encik Zakaria Hitam, Encik A. Halim Nasir dari Muzium Negara, Tuan Haji Sulaiman Husain, bekas Kadi Kuantan dan Ustaz Haji Abdul Wahab Haji Abdullah, Nazir Sekolah-Sekolah Menengah Agama Pahang. Tarikh yang tercatat pada batu nisan itu ialah, "Waktu Suboh hari Rabu 14 haribulan Rabi`ul Awal Tahun Hijrah 419" (Koleksi N.A.Halim, Dokumen Permatang Pasir). Hal ini jelas membuktikan bahawa kedatangan Islam ke Pahang adalah lebih awal daripada tarikh yang dibuktikan sebelumnya oleh Batu Bersurat di Kuala Berang Teengganu yang bertarikh tahun 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi, iaitu perbezaan selama 275 tahun.

Menurut Syair Negara Kertagarma yang disusun pada tahun 1365, Syair ini menceritakan keagungan dan kebesaran pemerintahan Kerajaan Majapahit di Tanah Jawa. Pemerintahan Majapahit merangkumi wilayah yang luas meliputi Tanah Jawa, Sumatera dan Tanah Melayu. Negeri-negeri di Tanah Melayu yang ditawan oleh Majapahit termasuk Pahang, Kelantan dan Terengganu. Menurut D Ederia, seorang paderi berbangsa Portugis, Islam telah diamalkan secara meluas di Pahang pada ketika ini. Menurut beliau, Islam bertapak di Pahang hampir seratus tahun lebih awal dari Melaka. Bagi kita hal ini tidak menghairankan kerana Islam telah bertapak di Terengganu lebih awal dari itu sekitar tahun 1303 Masihi. Ini kerana Batu Bersurat Terengganu bertarikh sekitar tahun yang disebutkan tadi iaitu tahun 1303. Terengganu dan Pahang merupakan dua buah negeri yang sangat berkait rapat dalam semua aktiviti ekonomi atau budaya. Bagi pelombong emas dan bijih timah mereka datang ke Terengganu melalui Pahang, atau bagi pedagang dari Cina, Siam dan Kampuchea mereka datang melalui Kelantan dan Terengganu menerusi Pahang untuk ke pantai barat.

Walau bagaimanapun satu sumber sejarah yang didapati tidaklah mencukupi untuk menyatakan Islam telah datang ke Pahang pada tarikh yang tersebut. Pembuktian yang lebih jelas ditunjukkan selepas Pahang ditakluki oleh Melaka pada abad ke-15 Masihi. Menurut W. Linehan, Islam telah dijadikan agama rasmi Pahang pada tahun 1450 Masihi. Begitu juga dengan negeri jajahan Melaka yang lain seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.



**Batu Nisan Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang 1028**

Merujuk kepada beberapa fakta sejarah, sama ada dalam bentuk laporan, catatan mahupun inskripsi yang terdapat di Tanah Melayu dapatlah disimpulkan bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah berlaku sekurang-kurangnya pada abad ke-9 Masihi dan selewat-lewatnya pada abad ke-12 atau ke-13 Masihi, bukan pada abad ke-15 Masihi sebagaimana yang didakwa oleh ramai sejarawan Barat yang bermula dari Melaka.

## 5.0 Islam Di Pahang di Zaman Kerajaan Melaka

Setelah Melaka dapat menawan Pahang, maka Sultan Mansur Shah telah melantik wakil raja di Pahang sebagai wakil sultan. Ini kerana pada masa itu belum ada raja muda yang layak menjadi raja sehingga berlaku peristiwa pembunuhan Tuan Besar anak Tuk Perak: “*Maka Seri Bija Diraja dititahkan oleh Sultan tinggal di Pahang, dianugerahi dengan nobat dan payung iram-iram serta diapit oleh jasanya merangka Maharaja Dewa Sura.....setahun sekali ia menghadap ke Melaka.*”

Keadaan ini berjalan selama beberapa tahun sehingga berlaku peristiwa pembunuhan anak Tun Perak oleh Raja Muhammad: “*Sekali peristiwa Raja Muhammad pergi bermain kuda di kampong Bendahara Paduka Raja. Adapun pada masa itu Tun Besar anak Bendahara sedang bermain sepak raga di lebuh bersama orang muda-muda.....Maka Raja Muhammad pun lalu... Maka raga itu jatuh menimpa destar Raja Muhammad, jatuh ke tanah. Maka kata Raja Muhammad: “Cis jatuh dastar kita oleh Tuan Besar..... Maka berlari-lari orang membawa puan.... maka ditikamnya Tun Besar kena belikat terus ke hulu hati. Maka Tun Besar pun matilah.... Setelah didengar oleh Sultan Mansur Shah baginda memanggil Raja Muhammad, maka titah baginda, ”Celaka Si Muhammad.... apatah dayaku engkau ditolak bumi Melaka... Maka Seri Bija Diraja pun datanglah, maka Raja Muhammad diserahkan baginda pada Seri Bija Diraja disuruhkan dirajakan di Pahang. Sejak itu Negeri Pahang mempunyai raja yang berdaulat dan mempunyai peraturan seperti lain-lain negeri yang ada raja.”*

Sultan Muhammad Shah ibni Sultan Mansur Shah hanya memerintah Pahang selama lima tahun sahaja dan dimakamkan di Dusun Pinang, Pahang Tua. Sebelum Raja Muhammad memerintah Pahang, Negeri Pahang diperintah oleh wakil raja Melaka yang bernama Dato’ Seri Bija Diraja. Kedudukan beliau ketika itu di Pahang seperti raja. Raja Muhammad sepatutnya menggantikan ayahandanya Sultan Mansur Shah sebagai Sultan di Melaka, akan tetapi apabila berlaku peristiwa sepaktakraw yang mengenai kepala baginda, langsung dibunuhnya anak bendahara kerana peristiwa itu, maka baginda dihantar menjadi raja di Pahang. Beliau dilantik menjadi Raja Pahang pada tahun 1470 dengan gelaran Sultan Muhammad Shah. Wilayah kekuasaan baginda dari Sedili hingga ke Terengganu. Baginda bersemayam di Tanjong Langgar Pahang Tua, Pekan.

Dengan tertakluknya Pahang ke bawah kekuasaan Melaka, maka dengan rasminya Pahang sudah menjadi sebuah negara Islam ketika itu. Maka rakyat jelata yang sudah ramai memeluk Islam menyambut baik kedatangan raja Melaka yang membebaskan mereka dari cengkaman Siam yang beragama Buddha. Kedatangan orang Melaka bukan sahaja mengubah

corak pemerintahan dan politik, akan tetapi membawa bersama mereka Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Laut Melaka yang berasaskan perundangan Islam dan bermazhab Syafie.

Adinda baginda Raja Ahmad ibni Sultan Mansur Shah menggantikan baginda dengan gelaran Sultan Ahmad Shah, Sultan Pahang ke-2. Dalam Sejarah Melayu ada menceritakan satu peristiwa di mana Laksamana Khoja Hasan telah berjaya melarikan gajah kenaikan baginda sebagai simbolik menunjukkan bahawa orang Melaka lebih bijak daripada orang Pahang. Baginda merasa malu dan terhina dengan peristiwa ini lalu turun daripada takhta. Pada masa pemerintahan Raja Ahmad kemajuan Islam di Pahang menjadi semakin maju dan berjaya. Kalau kita merujuk kepada kisah Tun Teja yang dirampas oleh Sultan Melaka, maka kita dapat pada akhir kisah ini Raja Ahmad merajuk di atas perbuatan tidak bermoral Raja Melaka terhadap baginda. Dengan itu baginda meletakkan jawatannya sebagai raja dan digantikan oleh anaknya Raja Jamil. Raja Ahmad mengambil tindakan meninggalkan istana dan takhta kerajaan lalu mudik ke hulu Sungai Pahang sehingga tidak lagi kedengaran ketukan gendang nafiri, alat muzik kebesaran diraja. Baginda sampai ke Lubuk Pelang, maka baginda memilih cara hidup yang zuhud dan beribadat kepada Allah.

Dinyatakan di dalam kitab-kitab lama baginda “bersyeikh“ diri yakni bersuluk. Bersyeikh maksudnya “masuk syeikh” itu meletakkan diri di bawah bimbingan seorang guru. Pada masa itu diyakini Lubuk Pelang, Jerantut merupakan sebuah tempat pengajian yang agak terkenal di Pantai Timur. Baginda tinggal di sana sehingga baginda meninggal dunia. Makam baginda sehingga kini ada di sana bersama dengan dua lagi makam keturunan Sultan Mansur iaitu anaknya dan makam Puteri Berdarah Putih. Makam itu bukan makam Sultan Jamil kerana makam Sultan Abdul Jamil ada di Pekan. Penulis Abdul Halim Nasir di dalam catatannya dalam Utusan Melayu (16.4.1997) menyatakan bahawa makam ini sah kepunyaan Sultan Ahmad kerana batu nisan ini sama dengan batu nisan kepunyaan isterinya di Pekan yang terdiri dari Batu Nisan Aceh bertarikh 1497 Masihi.

Pada masa itu Lubuk Pelang merupakan pusat pendidikan Islam bercorak tasawuf. Makam Raja Ahmad digelar “Marhum Sheikh” yakni baginda merupakan seorang ahli tasawuf yang mengikut tarekat yang tertentu. Kitab Sejarah Melayu menceritakan: “....dan Sultan berdiam ke hulu (Sungai Pahang)... selagi kedengaran bunyi nobat maka baginda mudik juar ke hulu hingga ke Lubuk Pelang (dekat Kuala Krau, Temerloh Pahang) namanya. Di sanalah baginda diam, tiada kedengaran bunyi nobat lagi...maka sultan bersyeikh dirinya....itulah disebut orang Marhum Syeikh”.

Kedudukan Lubuk Pelang sebagai pusat pengajian diiktiraf oleh Kerajaan Aceh di Sumatera. Pada tahun 1640 dihantar seorang pelajar yang bernama Hamzah Fansuri ke sana untuk mendalami ilmu Hakikat dan ilmu Tasawuf. Perjalanan Hamzah Fansuri ke Pahang ini merupakan perjalanan awal beliau ke luar negara sehingga beliau sampai ke Mekah, Syria, Iraq dan Palestine. Hamzah ke Pahang atas arahan Puteri Kamaliah iaitu seorang anak raja Pahang yang dijadikan isteri oleh Sultan Iskandar Mahkota Alam di Aceh. Puteri Kamaliah berminat di dalam bidang tasawuf dan berminat mengkaji ilmu berkaitan dengan tasawuf. Penulis berpendapat pondok pengajian di Lubuk Pelang di Bukit Ketupat, Jerantut masih kekal sejak dari tahun 1490 hingga ke tahun 1640 Masihi sebagai pusat pengajian bercorak tasawuf dan mengajar ilmu-ilmu tarekat dan hakikat. Ia bukan sebuah pondok yang mengajar ilmu syariat semata-mata.

## 6.0 Kesan Pengaruh Islam Di Pahang

Kedatangan Islam telah memberi kesan yang besar terhadap masyarakat Melayu. Kesan ini juga jelas dilihat di dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Kehidupan masyarakat Melayu banyak didasari adat dan ajaran agama Islam. Kesan dan pengaruh Islam dalam tamadun Melayu adalah seperti berikut:

### 6.1 Agama dan Kepercayaan

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mempengaruhi banyak aspek sebagaimana yang dinyatakan di atas; bahawa ia "mencetuskan suatu zaman baharu". Pengaruh yang dibawa oleh Islam merupakan suatu kesan menyeluruh berasaskan paradigma tauhid. Impak tauhid tersebut menyebabkan kesan yang berlaku itu merangkumi "rupa dan jiwa" masyarakat di Alam Melayu ini. Pengaruh tersebut bukan hanya melibatkan pertukaran watak luaran tetapi terkesan daripada falsafah dan pemikiran Islam yang tulen (Abd. Rahman Haji Abdullah, 1981: 268).

Ledakan tauhid ini telah mencetuskan zaman baru dan meninggalkan zaman kehidupan pengaruh Buddha dengan metodologinya, dengan alam khayalannya, penyembahan berhalanya dan dengan kepentingan kepada keseniannya. Tauhid itu juga membawa perubahan kehidupan beribadah, menghiasi akhlak yang bernilai tasawuf, juga mencetus perubahan-perubahan lain seperti dalam bidang sosial, politik, perundungan, keilmuan, kesusasteraan atau persuratan dan sebagainya.

Islam telah membawa perubahan yang besar dan ketara dalam merubah kepercayaan dan corak pemikiran masyarakat Alam Melayu. Islam telah membawa unsur-unsur yang rasional, intelektual dan logik akal di mana mereka diajar supaya mempercayai Tuhan iaitu Allah yang Maha Esa. Secara logiknya dunia ini tidak boleh dipimpin dan diperintah oleh banyak tuhan kerana jika demikian, sudah pastilah dunia ini menjadi huru-hara dan kelam-kabut lantaran akan berlaku percanggahan pendapat dan perintah di kalangan tuhan yang banyak itu. Oleh yang demikian, memang logik dan benarlah bahawa Tuhan hanya satu iaitu Allah s.w.t Yang Maha Berkuastra.

Pandangan serta falsafah pemikiran masyarakat Alam Melayu juga turut berubah setelah mereka menerima ajaran Islam. Sebagai contoh, Islam menyuruh umatnya supaya berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal agar disenangi dan dihormati oleh semua orang. Jika gagal sekalipun, Islam menyuruh umatnya agar tabah dan sabar serta menghargai nyawa yang diberikan oleh Allah s.w.t dan redha dengan ketentuanNya, bukannya berputus asa dan membunuh diri.

Kesan utama yang dibawa oleh Islam ialah terhadap akidah dan kepercayaan. Sebahagian daripada masyarakat Melayu telah meninggalkan ajaran agama Hindu-Buddha dan kepercayaan animisme. Mereka percaya kepada konsep ketuhanan, hormat-menghormati antara manusia dan menitikberatkan soal persamaan taraf. Cara kehidupan mereka juga telah berubah kepada cara hidup beragama dengan mengamal dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan

mereka. Kepercayaan dan agama merupakan dua aspek sosial yang agak sukar untuk dipisahkan kerana sebahagian besar daripada kepercayaan termasuk dalam agama. Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat permulaan adalah berbentuk animisme. Dalam kepercayaan ini mereka menganggap benda-benda mempunyai semangat dan kuasa ghaib. Sehubungan dengan itu, wujudlah pemujaan atau penyembahan kepada batu-batu, pokok-pokok, sungai-sungai dan fenomena alam yang lain. Kuasa ghaib itu disifatkan sebagai hantu, jembalang atau jin yang menjadi penunggu objek tersebut (Haron Daud, 1989: 26).

Islam mengubah *world view* masyarakat Melayu daripada mempercayai roh, semangat dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan Yang Maha Esa, percaya adanya nabi-nabi, rasul-rasul, malaikat, kitab-kitab suci, hari kiamat dan qada' qadar. Keimanan mereka diikuti dengan amal ibadat seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Masyarakat Melayu juga merayakan hari-hari kebesaran Islam seperti mengadakan sambutan Ma'al Hijrah, sambutan Maulidur Rasul dan Nuzul al-Quran. Perubahan yang paling utama ialah daripada sudut kepercayaan yang mana masyarakat Melayu telah diperkenalkan dan diyakinkan dengan keyakinan yang berteraskan tauhid. Fahaman tauhid telah mengubah *world view* orang Melayu daripada zaman Hindu-Buddha dengan metodologinya, penyembahan raja, ciri tertentu dan masyarakat, alam khayalan, penyembahan berhala, kepada ajaran tauhid yang murni (Muhammad Uthman, 1977 : 185).

## 6.2 Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan

Kedatangan Islam ke rantau ini telah banyak memberi kesedaran dalam aspek pendidikan dan ilmu pengetahuan masyarakat Melayu. Selepas kedatangan Islam golongan bawahan menerima pendidikan yang sama seperti golongan atasan. Sistem pendidikan yang bermula di istana mula beralih ke beberapa institusi pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah. Tradisi keilmuan yang ditekankan oleh Islam telah mengembangkan pula tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun hingga melahirkan sebuah universiti. Ini dibuktikan dengan catatan sejarah universiti tertua di dunia iaitu Universiti al-Qarawiyyin yang ditubuhkan pada tahun 859 Masihi oleh Fatima al-Fihri di Fes, Morocco. Dorongan belajar bermula dengan pengajaran membaca al-Quran dan kitab-kitab. Golongan pemerintah dan pembesar-pembesar berperanan penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan. Melalui sistem pengajian ilmu tersebut lahirlah para cendiakawan dan ulama-ulama Melayu yang menjadi pegawai-pegawai pemerintah, guru-guru dan ahli agama di Pahang. Antaranya ialah Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Walaupun beliau berasal daripada keturunan Arab di India dari pihak ayahnya dan bangsa Melayu dari sebelah ibu, namun beliau lama tinggal di Pahang dan Aceh, dan banyak mengarang kitab-kitab dalam bahasa Melayu. Sebahagian besar karangannya ditujukan membantah fahaman 'Wahdatul Wujud' yang diajarkan oleh Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani. Banyak perkara menarik mengenai ulama ini, antaranya kitab fikah dalam bahasa Melayu yang pertama sekali berjudul *al-Sirat al-Mustaqim* adalah karya beliau. Demikian juga mengenai kitab hadis yang berjudul *al-Fawa'id al-Bahiyah fi al-Ahadith an-Nabawiyah* atau judul lainnya *Hidayah al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib*, adalah kitab membicarakan hadis yang pertama sekali dalam bahasa Melayu.

Al-Raniri telah dilantik menjadi Mufti Besar Acheh oleh Sultan Iskandar Thani (1637-1641 M), yang merupakan menantu kepada Sultan Pahang Sultan 'Ala al-Din Ri'ayat Shah

(1589-1604 M). Sejak di zaman kesultanan Iskandar Muda lagi, beliau telah menetap dan bertugas sebagai Mufti di negeri-negeri naungan Aceh seperti di Johor pada tahun 1613, di Pahang pada tahun 1616, di Kedah pada tahun 1619 dan di Perak pada tahun 1620 (Al-Attas, 1986).

Selain itu tokoh ulama yang tidak asing di Pahang ialah Habib Hassan al-Attas. Nama penuh beliau ialah Saiyid Hassan bin Ahmad bin Zain Al-Attas. Nasab beliau adalah bersambung sehingga kepada Rasulullah SAW. Sejarah kedatangan keluarganya bermula awal abad ke-18 apabila datuknya, Habib Zain al-Attas berhijrah ke Singapura. Kemudian beliau berpindah ke negeri Pahang untuk mencari kehidupan yang selesa. Hal ini kerana pada waktu itu negeri Pahang mempunyai hasil mahsul yang makmur. Habib Zain al-Attas kemudiannya bersahabat baik dengan keluarga Diraja Pahang. Beliau banyak membuat kebajikan kepada rakyat dan masyarakat di sana. Pada tahun 1832, Habib Hassan menetap di Kampung Maulana di sebuah rumah berhampiran dengan Istana Tun Ali, di Pekan, Pahang.

Habib Hassan juga sering ke negeri Johor. Di Johor, beliau menubuhkan satu lagi madrasah yang juga diberi nama Madrasah al-Attas yang diasaskannya pada tahun 1913. Beliau bukan sahaja berbaik-baik dengan masyarakat tetapi juga bergaul baik dengan Raja-Raja Melayu samada ketika di negeri Pahang maupun di negeri Johor. Di Johor beliau bersahabat baik dengan Sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar sehingga beliau dipelawa oleh sultan supaya menetap terus di Johor. Di Johor beliau tinggal di Kampung Habib Hassan (sekarang dikenali sebagai Kampung Wadi Hassan). Habib Hassan dikatakan ada menubuhkan sebuah syarikat percetakan yang dikenali dengan nama Mutaba`ah al-Attas (Al-Attas Press).

Menerusi syarikat ini, Habib Hasan telah mencetak Ratib al-Attas yang merupakan himpunan zikir, ayat-ayat al-Quran dan doa yang disusun oleh al-Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas yang sangat terkenal dengan pelbagai fadhilat dan hikmah kepada pengamalnya. Syarikat percetakan ini bergiat di Johor pada kira-kira tahun 1927. Atas segala jasa dan pengorbanan beliau di negeri itu maka beliau telah dianugerahkan pangkat Darjah Kerabat (DK) Johor oleh Sultan Ibrahim pada tahun 1932. Habib Hassan menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tahun 1932 di rumahnya di Kampung Wadi Hassan, Johor Bahru Johor.

Islam telah melahirkan semangat keilmuan di kalangan penganutnya untuk mencari dan mempelajari ilmu pengetahuan. Menurut Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas bahawa; "*Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat jelata*" (Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1972: 96). Faktor asasi yang merupakan punca kesedaran atau punca revolusi kebudayaan ini ialah penjelasan rasional mengenai konsep perihal wujud yang dibawa untuk pertama kalinya oleh Islam.

Pandangan sarjana tersebut menunjukkan kesedaran yang dicetuskan oleh Islam meliputi juga bidang keilmuan. Hal berkenaan juga menggambarkan pola kesedaran dalam aspek-aspek yang bersifat keilmuan ini yang melibatkan golongan atasan dan istana malahan juga golongan bawahan dan rakyat jelata. Kedatangan Islam telah berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat di Alam Melayu ke arah bersifat ilmiah dan saintifik serta dapat meninggalkan era

sebelumnya yang mengutamakan sesuatu yang bersifat tasyul dan khayalan untuk menuju ke sesuatu yang berbentuk realistik. Semenjak penerimaan Islam, kegiatan agama, ilmu dan pendidikan Islam telah diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh para ulama dan pendakwah Islam (Dr. Haji Abdullah Ishak, 1992: 166).

Seluruh masyarakatnya termasuk raja dan kerabatnya, pembesar serta rakyat jelata dide dahkan dengan ilmu pengetahuan Islam. Maka secara langsung atau tidak langsung telah mengubah persepsi atau tanggapan masyarakat terhadap pegangan agama, kebudayaan dan ilmu pengetahuan. Mengikut pandangan sebahagian penulis tempatan, Alam Melayu mementingkan sesuatu yang menggunakan akal, pemahaman ilmu metafizik serta pandangan hidup yang munasabah pada akal yang sihat. Alam Melayu juga muncul sebagai pusat keilmuan, ramai tokoh-tokoh ilmuan yang lahir di rantau ini seperti Nuruddin al-Raniri, Shamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf Singkil, Hamzah al-Fansuri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain lagi (Abd. Rahman Haji Abdullah, 1981: 256). Institusi pondok tumbuh dengan pesatnya sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan menjadi institusi tumpuan masyarakat serta tempat mempertahankan tradisi suci yang diajar oleh Islam.

Perkembangan ini telah membawa perubahan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhannya. Perkembangan sistem pendidikan di Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan. Antara jenis ilmu yang sentiasa diambil berat ialah ilmu syar'iyyah atau naqliyyah yang merangkumi tiga asas utama agama Islam iaitu usuluddin, fiqh dan tasawwuf (Abd. Rahman Haji Abdullah, 2000: 145). Kitab-kitab yang menjadi rujukan utamanya seperti *al-Dur al-Manzum* oleh al-Shirazi, *Ihya' Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali dan *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi. Pendidikan dan ilmu pengetahuan Islam ini tersebar luas ke kawasan-kawasan sekitar Alam Melayu seperti di Jawa, Banjar, Riau, Pattani, Terengganu, Kelantan dan lain-lain.

### **6.3 Bahasa dan Kesusasteraan**

Bahasa Melayu telah menerima pengaruh ajaran Islam bermula abad ke-14 Masihi dan berkembang sehingga akhir abad ke-18 Masihi. Pada awal abad ke-14, kedudukan agama Islam semakin teguh dan penyebarannya semakin meluas di Asia Tenggara. Bukti keteguhan kedudukan agama Islam di daerah ini dapat dilihat daripada kewujudan penggunaan tulisan Jawi oleh orang-orang Melayu ketika itu. Pada era kerajaan Melayu Melaka (1400-1511M) misalnya, bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* bagi lapan puluh empat bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Melaka ketika itu. Tahap perkembangan bahasa Melayu daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi berlaku pada dua zaman iaitu zaman peralihan (abad ke-19M) dan zaman moden (abad ke-20M) (Mahayudin Hj. Yahya, 1998: 91).

Tulisan Arab mulai diperkenalkan setelah kedatangan Islam. Dari segi bahasa perubahan besar berlaku apabila masyarakat Melayu menyesuaikan perkataan Arab kepada bahasa Melayu. Perubahan ini dipermudahkan setelah tulisan Arab diubahsuai dan dikenali sebagai tulisan Jawi. Melalui sistem tulisan ini bahasa Melayu dapat memainkan peranan lebih penting apabila digunakan untuk menulis kitab-kitab agama, hikayat-hikayat, undang-undang dan pentadbiran.

Melalui tulisan jawi agama Islam telah dapat diperkembangkan. Bahasa dan kesusasteraan Melayu juga berkembang melalui tulisan jawi. Dalam pada itu bahasa Melayu itu telah diperkayakan dengan kata-kata pinjaman serta istilah daripada bahasa Arab. Perkembangan ini dapat dilihat bukan sahaja dalam kitab serta karya sastera semasa pada zaman selepas itu, malah buku-buku sejarah juga mempunyai tajuk asal dalam bahasa Arab seperti *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Bustan al-Salatin* dan lain-lain lagi (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1992: 28).

Kedatangan Islam ke Alam Melayu juga telah berjaya memartabatkan bahasa Melayu dengan cara membentuk para penggunanya menuturkan perkara-perkara yang bersifat ilmiah, membicarakan persoalan metafizik, falsafah dan saintifik. Isu-isu sebegini sukar didapati sebelum kedatangan Islam. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa perantaraan dan bahasa ilmu di kawasan Alam Melayu sekitar abad ke-15 M hingga ke-17M. Melaka contohnya sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa ketika itu dikunjungi oleh para pedagang dan pendakwah dari pelbagai negara di dunia, bahasa Melayu diguna pakai dalam pertuturan oleh berbagai bangsa yang datang dan berurus di pelabuhan tersebut.

Malah bahasa ini dikatakan telah menjadi salah satu bahasa umat Islam yang tertinggi bilangan penggunanya. Ia menjadi bahasa rasmi kepada lebih daripada 200 juta umat manusia di Alam Melayu iaitu sebagai bahasa “lingua franca” di rantau ini. Suatu hal yang sangat penting diberi tumpuan ialah aspek tulisannya. Kedatangan Islam di rantau ini telah memperkenalkan tulisan jawi dalam bahasa Melayu, tulisan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan tulisan atau huruf Arab sebagai bahasa al-Qur'an dan huruf Parsi. Seiring dengan kemunculan bahasa Melayu bertulisan jawi tersebut maka bermulalah perkembangan sastera tulisan, sedangkan sebelumnya cuma terdapat sastera lisan sahaja (Abd.Rahman Haji Abdullah, 1981: 269).

Dengan itu, fungsi penulisan dan kesusasteraan telah bertukar daripada konsep berhibur semata-mata kepada pendidikan keilmuan. Apa yang jelas bahawa zaman kebangkitan kuasa Kesultanan Melayu Islam di Alam Melayu, isu-isu yang diberi tumpuan dalam penulisan Melayu berkisar dalam tiga tema utama. Pertama, karya yang bertemakan tasawuf dan falsafah, seperti hasil karya Hamzah al-Fansuri. Kedua, karya kesusasteraan yang berbentuk keagamaan dan ketatanegaraan, seperti hasil karya Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain. Ketiga, kisah-kisah lagenda Islam seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan lain-lain. Tema-tema yang dikemukakan ini membezakan pendekatan sebelumnya yang membicarakan tentang dewa-dewa dari pengaruh Hindu-Buddha.

Malah ketokohan Hamzah al-Fansuri dalam bidang penulisan sangat ketara sehingga dapat mewarnai alam intelektual di rantau ini. Mungkin kerana sifat-sifat intelektualisme yang begitu menonjol dalam karya-karyanya itulah yang menyebabkan Prof. Syed Muhamad Naquib al-Attas meletakkannya sebagai “Bapa Sastera Melayu Moden” dan sekaligus sebagai pelopor syair Melayu. Berikutan itu, perkara yang paling penting di sini ialah mengenai bahasa Melayu yang telah digunakan sebagai bahasa pengucapan intelektual, dengan abjad Arab (Jawi) sebagai media tulisannya. Hasil dari kegiatan intelektualisme inilah bermulanya detik pembangunan rasionalisme yang tidak pernah berlaku di mana-manapun sebelumnya di Alam Melayu. Zaman ini juga telah membawa perubahan pada pandangan hidup dan dasar kebudayaannya serta mengubahnya dari dasar estetik kepada dasar saintifik.

#### 6.4 Perundangan Islam

Kedatangan agama Islam telah mempengaruhi sistem perundangan di Alam Melayu. Sistem perundangan tempatan turut mengalami perubahan seperti yang tercatat dalam Hukum Kanun Melaka, Adat Pepatih dan Adat Temenggung. Undang-undang adat yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam dikekalkan. Contohnya hakim boleh menggunakan budi bicaranya sama ada menjatuhkan hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri ataupun didenda dan dipenjara sahaja. Setelah Islam datang dan tersebar di seluruh Nusantara sistem perundangan masyarakat Melayu juga berubah kepada sistem adat dan Islam. Contohnya, Melaka mempunyai Hukum Kanun Melaka yang meliputi tanah, sungai, dusun dan setiap tanah jajahan takluk Melaka. Undang-Undang Laut Melaka meliputi perusahaan perkapalan, perdagangan di laut dan di darat dan kegiatan yang berkaitan dengannya. Kedua-dua kumpulan undang-undang ini adalah didasarkan kepada hukum syariah dan juga hukum adat yang telah wujud sejak dahulu lagi (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1992 : 29).

Penampilan kedua-dua teks undang-undang ini dapat memperlihatkan dengan jelas bahawa peraturan Islam pernah diamalkan di rantau ini, bukan sahaja sebagai undang-undang diri tetapi juga sebagai undang-undang jenayah, muamalat, kekeluargaan, keterangan, acara dan sebagainya berpandukan undang-undang Islam (Dr Haji Abdullah Ishak, 1992: 148). Perihal pengamalan Islam sebagai undang-undang di Alam Melayu umumnya dan di Tanah Melayu khususnya, telahpun dibuat dalam suatu keputusan dalam mahkamah Inggeris yang mengatakan bahawa sememangnya Undang-undang Islam itu adalah undang-undang asal negeri ini (Abd. Rahman Haji Abdullah, 1981: 272). Prof. Ahmad Ibrahim juga menyatakan hal yang sama iaitu, “*Sebelum kedatangan penjajah Inggeris undang-undang Islam sudah dilaksanakan di Malaysia, dan hakim-hakim British mengakui bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang negeri ini*” (Prof. Ahmad Ibrahim, 1981: 123).

Jika dikaji mengenai Hukum Kanun Melaka, ternyata bahawa Islam telah berjaya mempengaruhi sistem perundangan di Melaka. Mukadimah undang-undang tersebut dimulai dengan konsep keislaman, kemudian ditakrif kedudukan jawatan Sultan Mahmud dan raja-raja Melaka sebagai Khalifah al-Mukminin. Terdapat satu fasal undang-undang tersebut berhubung dengan menteri-menteri, pegawai istana dan pasukan tentera supaya mereka hendaklah bertindak berdasarkan firman Allah di dalam al-Qur'an dan menjalankan suruhanNya untuk membuat kebaikan dan mencegah dari kemungkaran.

Apa yang diperkatakan oleh Hukum Kanun Melaka itu memang bertepatan dengan laporan Sejarah Melayu (*Sulalat al-Salatin*), iaitu tentang wasiat Sultan Mansur Shah kepada puteranya Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah dengan sebuah hadith Nabi yang bermaksud bahawa; "*Setiap orang adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab di atas pimpinannya.....*" (Dr Farouq Hamadah, 1988: 191, 199 & 369). Ia menuntut agar rakyat taat setia kepada pemerintahnya dan pemerintah pula bertanggungjawab ke atas rakyat pimpinannya (Abd. Rahman Haji Abdullah, 1981: 270). Sultan 'Alauddin dikatakan pernah meniru jejak langkah Khalifah 'Umar Ibn al-Khattab yang menyamar diri di waktu malam untuk menyiasat kesusahan rakyatnya. Sultan 'Alauddin berbuat demikian kerana ingin menghapuskan perompak-perompak yang bermaharajalela di Melaka ketika itu. Menurut Sejarah Melayu juga, tindakan Sultan

'Alauddin itu yang sanggup menumpaskan sendiri kegiatan-kegiatan mencuri pada zamannya telah berjaya mengamankan semula keadaan pelabuhan Melaka.

Oleh kerana Hukum Kanun Melaka adalah undang-undang induk yang meliputi undang-undang lain di dalam negeri-negeri Melayu, amatlah tepat jika ianya dijadikan contoh tentang wujudnya pengaruh Islam dalam perundangan. Menurut beberapa orang sarjana barat seperti William R. Roff dan Alfred P. Rubin, Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang Melaka pada dasarnya berasaskan undang-undang Islam di samping berpegang kepada hukum akal dan hukum adat.

Undang-undang Pahang pula telah dijadikan perlombagaan negeri itu sejak tahun 1592. Pahang diisytiharkan sebagai Dar al-Islam dengan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (1592-1614) sebagai Khalifah. Undang-undang Pahang menggunakan hampir sepenuhnya peraturan berdasarkan hukum Islam. Daripada 68 fasal semuanya, 42 fasal merupakan terjemahan daripada undang-undang fiqh mazhab Shafi'e. Menurut pendapat W.Linehan, sejak tahun 1450, agama Islam telah dijadikan agama rasmi di negeri itu (Dr Haji Abdullah Ishak, 1992: 41).

Penulisan Hukum Kanun Pahang pada masa pemerintahan Sultan Abd Ghafur Muhiyuddin Shah (1592-1614) adalah lanjutan daripada Hukum Kanun Melaka. Para sarjana telah sependapat bahawa Hukum Kanun Pahang ini kuat dipengaruhi oleh perundangan Islam. Hampir separuh daripadanya diambil secara langsung daripada perundangan Islam. Undang-undang Islam yang terdapat dalam Hukum Kanun Pahang lebih lengkap dan terperinci berbanding undang-undang Islam yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka.

Mukadimah Hukum Kanun Pahang (HKP) menyatakan bahawa sistem kerajaan Kesultanan Pahang adalah untuk "menjaga manfaat terhadap negeri agar sultan-sultan boleh memelihara segala rakyat dan pada saat yang bersamaan, sultan-sultan mengadakan pembesar untuk menggantikan baginda dan tidak menyulitkan baginda". Sultan ialah puncak kuasa yang dibantu oleh bendahara, temenggung, penghulu, bendahari, dan shahbandar. Hukum Kanun Pahang memerincikan perbuatan yang diharamkan dalam sistem kerajaan ini, termasuklah sikap tidak hormat terhadap kedudukan Sultan. Baginda perlu dihormati kerana statusnya dianggap sebagai "suci". Menurut Hukum tersebut, sebarang penggunaan Hulu Keris Merumbai dan perlengkapan berwarna kuning diharamkan. Lima patah perkataan, iaitu titah, patik, murka, kurnia, dan anugerah, juga tidak boleh dituturkan oleh orang ramai, kecuali Sultan. Hukum Kanun Pahang - dalam simpanan Lembaga Muzium Negeri Pahang, Pekan Pahang. Judul ini telah ditransliterasi dan diterbitkan pada tahun 2003 oleh Dato' Haji Yaakub Isa.

## 6.5 Politik dan Pemerintahan

Kedatangan Islam telah memberi perubahan terhadap sistem politik. Contohnya, agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi di Pahang. Sehubungan itu, beberapa institusi Islam didirikan bagi membantu mengukuhkan sistem pentadbiran berasaskan Islam. Antara institusi yang didirikan adalah Jabatan Agama Islam dan Syariah. Selain itu kitab Hukum Kanun Pahang dihasilkan untuk panduan masyarakat. Beberapa jawatan seperti kadi, imam dan

sebagainya diwujudkan bagi melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Setelah Islam datang dan tersebar di seluruh Nusantara, sistem politik dan pentadbiran masyarakat Melayu telah berubah dan dipadankan dengan ajaran Islam. Gelaran raja bertukar kepada sultan dan disamakan dengan khalifah seperti yang diperkenalkan dalam sistem politik Islam.

Dengan kedatangan Islam juga, terdapat suatu unsur kekuasaan rakyat dalam menentukan penubuhan sistem beraja. Rakyat boleh mengubah perjanjian jika syarat-syarat dilanggar oleh raja. Keadaan ini bertentangan dengan asas penubuhan yang disarankan oleh *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* yang menekankan fardu bagi penubuhan sistem beraja sebagai kurniaan Tuhan kepada manusia dan merupakan suatu pekerjaan yang hanya dapat ditanggung oleh orang yang terpilih sebagai pewaris kedudukan khalifah. Konsep dewa raja bertukar kepada konsep sultan sebagaimana yang diamalkan oleh pemerintah di bawah Khilafah Empayar Othmaniyyah di Turki. Ia merupakan suatu gelaran kepada orang yang diamanahkan mentadbir sesebuah negeri dan pada masa yang sama berperanan sebagai khalifah Allah SWT di bumi. Kepatuhan dan ketaatan pada sultan adalah kepatuhan yang bersyarat, bukan kepatuhan mutlak seperti konsep dewa raja. Dalam konteks sosial, Islam mengajar tidak ada pengkastaan dalam masyarakat seperti dalam pengaruh Hindu-Buddha, sebaliknya pembentukan masyarakat mestilah diasaskan pada keadilan yang bersendikan agama. Raja dan rakyat, tua dan muda, kaya dan miskin semuanya mempunyai peranan dalam masyarakat (Afifah Abu Yazid, 2003: 54).

Dari segi pentadbiran, kerajaan Melayu Pahang ditadbir oleh seorang sultan yang mempunyai kuasa penuh dalam urusan pentadbiran negara. Sultan juga berperanan sebagai ketua dalam agama Islam dan ketua negara. Sultan juga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Bukti, di zaman pemerintahan Melayu Pahang, kerajaan amat maju dan stabil. Menurut sejarah, Kerajaan Pahang telah menyediakan tapak yang subur bagi perkembangan Islam di Tanah Melayu. Bukti-bukti sejarah menjelaskan bahawa Islam bertapak di Tanah Melayu seawal kurun ke-9M dan selewat-Iewatnya pada kurun ke-15M. Keagungan Pahang mula terserlah apabila ia mengamalkan dasar luar yang pragmatik iaitu dasar berbaik-baik dengan kuasa besar asing pada ketika itu seperti Siam, Majapahit, Arab, Aceh dan China. Dasar ini mampu menstabilkan politik Pahang serta memberi peluang kepada perkembangan ekonomi dan pentadbirannya (Afifah Abu Yazid, 2003: 3).

Konsep dan sistem pemerintahan pada zaman pengaruh Hindu-Buddha telah bertukar kepada konsep dan sistem sultan dalam Islam walaupun tidak secara total. Sultan sebagai ketua negara yang menjalankan undang-undang keadilan, menjaga dan melindungi hak-hak serta kepentingan rakyat. Sultan juga menjadi ketua agama dan adat yang bertanggungjawab menjaga keutuhan agama dan keharmonian adat. Sultan tidak dianggap sebagai manusia paling suci seperti kepercayaan zaman Hindu-Buddha sebelumnya. Namun begitu, sewaktu kedatangan Islam masyarakat menganggap sultan adalah manusia yang mulia, para sultan dianggap mempunyai daulat (kekuasaan halus) yang hanya dimiliki oleh raja dan tidak boleh diganggu-gugat.

Konsep daulat berkembang apabila sultan dikaitkan dengan pelbagai mitos tentang asal-usul, jurai keturunan dan salasilah serta kebolehan fizikal dan kerohanian luar biasa. Daulat juga dihubungkan dengan tuah yang dimiliki oleh sultan tersebut, iaitu apabila keadaan negeri

aman dan makmur, perdagangan berkembang pesat, tanaman hidup subur, ternakan membiak dan rakyat bertambah ramai, maka sultan tersebut dianggap bertuah dan berdaulat. Dengan itu, rakyat mestilah menjalankan titah perintah sultan dan sesiapa yang menentang dianggap menderhaka. Ini bermakna kedatangan Islam berjaya mengubah watak dan sifat raja atau sultan kepada sifat yang lebih positif. Aspirasi Islam menjelma melalui nama-nama sultan dan negara, dahulunya bercirikan Hindu mula ditukar kepada Islam.

Kitab *Taj al-Salatin* (1603 M) karya Bukhari al-Jauhari merupakan satu penulisan mengenai bidang politik atau ketatanegaraan Alam Melayu. Beliau dianggap pelopor dalam bidang ini yang telah mempengaruhi karya-karya berikutnya, *Bustan al-Salatin* (1638 M) oleh Nuruddin Al-Raniri dan *Sulalat al-Salatin* (1612 M) oleh Tun Seri Lanang. Dengan itu jelas sekali memperlihatkan pengaruh Islam di dalam pemikiran politik rantau ini setelah kedatangan Islam. Pengarangnya telah mengulas sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang penguasa atau pemerintah seperti sifat amanah, adil, terbuka, sama rata, beriman dan budiman, lemah lembut, tidak melanggar hukum Allah dan syari'ah, mengasih para ilmuwan dan menerima nasihat mereka, mengambil berat keadaan rakyat serta lain-lain.

## 7.0 Perkembangan Agama Islam di Pahang

Kemajuan Islam di Pahang begitu pesat semasa di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar Ri`ayatuddin Al-Mu`adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu`tasim Billah (1932-1974). Baginda merupakan sultan yang memerintah negeri Pahang dalam masa yang agak lama. Pelbagai usaha dilakukan baginda untuk memajukan Islam di negeri ini. Baginda memulakan usaha dengan menyusun pentadbiran agama. Majlis Agama Islam diwujudkan dan kutipan wang zakat diselaraskan. Hasil kutipan zakat diagihkan bagi memajukan syiar Islam. Jawatan mufti telah diberikan kepada orang yang berbangsa Arab, malah baginda sanggup mengambil orang luar sebagai mufti di atas kelayakan yang dimiliki oleh orang tersebut.

Baginda juga telah memajukan pendidikan Islam di Pahang dengan mendirikan sebuah sekolah tinggi agama yang diberi nama "Kuliah Al-Lughah Waddin Al-Sultan Abu Bakar Pahang" dalam tahun 1941 dengan tujuan supaya pelajar yang miskin tidak perlu lagi keluar negara untuk melanjutkan pelajaran. Di samping itu untuk pelajar wanita didirikan pula "Kulliah Tuanku Ampuan Fatimah." Sekolah-sekolah peringkat daerah diselia dan diberi peruntukan yang sewajarnya. Setahun sekali baginda akan mengadakan lawatan ke seluruh negeri dari sebuah mukim ke sebuah mukim, tidak ketinggalan baginda melawat semua sekolah-sekolah agama dalam mukim tersebut. Dijumpai juga sebuah kitab tafsir al-Qur'an yang dicetak di atas pembiayaan Baginda, dan kitab tafsir ini dicetak di Sumatera. Menurut Saudara Ariffin Said seorang Ahli Budyawan Pahang: "*Keupayaan mempertahankan akidah umat Islam dari dipengaruhi unsur-unsur Kristian, merupakan satu sumbangan yang sangat besar yang dapat dilakukan oleh raja-raja dan para ulama di zaman dahulu yang tidak kita sedari*".


Sebagai seorang Raja Pemerintah yang sangat prihatin atas segala hal ehwal berkaitan perkembangan agama Islam di Negeri Pahang, baginda telah mengambil beberapa langkah untuk kemajuan dan kebangkitan agama. Antaranya, pada Mac 1950, baginda menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, menghidupkan kembali jawatan Mufti kerajaan

kepada jawatan Kadi Besar. Semasa hayatnya, KDYMM Sultan Abu Bakar amat menitikberatkan perkembangan dan pembangunan agama Islam. Undang-undang Islam sentiasa diperkemaskan, malah Baginda sering memperingatkan rakyat jelata dalam titah-titahnya agar sentiasa berpegang dengan ajaran agama.

Pada masa pemerintahan Baginda, agama Islam telah dikanunkan sebagai agama rasmi negeri dan Majlis Anggota Islam atau kini Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah diperkenalkan. Baginda bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang sembahyang Jumaat ke atas rakyat jelata. Pada masa pemerintahannya Baginda menggalakkan rakyat jelata menuntut ilmu-ilmu agama di Negara Mesir dan Mekah, menubuhkan sekolah Arab Tinggi pada tahun 1941 dan pelbagai usaha lagi dijalankan dalam memacu perkembangan agama di negeri Pahang.

Usaha-usaha mengembangkan ajaran agama diteruskan oleh anakanda Baginda KDYMM Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang memerintah negeri Pahang sejak 1974 hingga sekarang. Kini negeri Pahang terkenal antara negeri yang mempunyai perundungan Islam yang baik dan kemas di samping terdapatnya institusi keagamaan yang tersusun dan teratur setanding dengan negeri-negeri lain. Pada tahun 1982, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 telah dikanunkan. Di bahagian pendahuluan dinyatakan; "*Suatu Enakmen untuk meminda dan menyatukan undang-undang mengatur dan mentadbir hal ehwal Ugama Islam dan menubuhkan satu Majlis untuk menolong dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat resam Melayu Pahang*". Kewujudan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) sebagai satu institusi pendidikan yang berteraskan Islam di negeri Pahang adalah dengan restu dan perkenan KDYMM Sultan Pahang sebagai pemerintah serta Ketua Agama Islam dan Adat Resam Melayu di negeri ini (Buletin Al-Ta'lif KIPSAS : 2008).

## 7.1 Pengertian Bendera Negeri Pahang



Hitam adalah warna kebesaran Bendahara melambangkan bahawa pada suatu ketika dahulu pemerintah di Negeri Pahang adalah seorang yang bertaraf Bendahara. Putih adalah melambangkan raja. Tambahan warna putih di atas hitam ini membawa makna bahawa Negeri Pahang adalah negeri yang mempunyai kedaulatan sendiri dan pemerintahan beraja. Ini juga membawa erti bahawa negeri ini ada mempunyai keistimewaan-keistimewaan, undang-undang,

adat istiadat, adat resam, tatasusila serta kuasa-kuasa yang tertentu yang ada pada raja sebagai sebuah negeri yang beraja dan berdaulat.

## 7.2 Pengertian Cogan Negeri Pahang



Mata cogan berbentuk daun kopi itu semuanya diperbuat daripada emas termasuk penongkok dan taran. Tujuan dipilih logam emas itu ialah melambangkan bahawa dalam tahun 1862 emas merupakan hasil masyhur yang utama di Negeri Pahang. Keduanya tiada kebal yang boleh menahan senjata yang diperbuat dari emas. Gading yang bersilang di bawah daun kopi itu melambangkan bahawa ketika itu gading gajah terdapat dengan banyaknya serata negeri Pahang sehingga ia menjadi satu perdagangan yang besar. Kalimah " Ya La Tif " bermaksud yang lemah lembut. Simboliknya pemerintah tidak menggunakan kekerasan." Ya La Tif " juga dijadikan azimat yang berguna.

## 8.0 Kesimpulan

Kesimpulan dari paparan di atas, jelaslah bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memberi kesan yang besar dan meluas dalam kehidupan masyarakatnya. Sehingga dengan itu telah berjaya merealisasikan ajaran dan tuntutan Islam di kalangan mereka secara berkesan, sekaligus dapat mengangkat martabat mereka ke tahap yang lebih baik dan bermaruah. Keadaan tersebut berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan mereka baik di kalangan individu, keluarga, masyarakat atau negara.

Kedatangan Islam telah membawa perubahan menyeluruh kepada sistem kehidupan masyarakat Alam Melayu seperti akidah atau agama, sosial, politik, pemikiran, perundungan, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Namun, masih terdapat sebahagian bentuk budaya atau adat dari pengaruh Hindu sebelumnya diamalkan seperti adat bersanding dalam majlis perkahwinan dan lain-lain. Islam telah membawa perubahan yang besar dan ketara dalam merubah kepercayaan dan corak pemikiran masyarakat Alam Melayu. Islam telah membawa unsur-unsur yang rasional, intelektual dan logik akal di mana mereka diajar supaya mempercayai Tuhan iaitu Allah yang Maha Esa.

Secara keseluruhannya, tidaklah dapat dinafikan tentang kewujudan pengaruh Islam di Nusantara dan di Pahang khususnya sama ada dalam bidang politik, sosial, ekonomi, kesenian, bahasa dan kesusteraan tetapi juga dalam bidang pendidikan dan pengetahuan. Namun begitu, warisan tradisi pra-Islam masih diteruskan tanpa tergugat dan tercemar dalam semua aspek kehidupan masyarakatnya. Unsur-unsur pra-Islam secara sinkritisme telah memainkan peranannya seiring dengan unsur-unsur Islam. Walaupun wujudnya perubahan besar akibat dari kedatangan Islam tetapi kita juga harus mengakui tentang adanya kesinambungan tradisi dalam masyarakat Nusantara bagi survival wadah transformasi jatidiri umat cemerlang, gemilang dan terbilang.

## RUJUKAN

- A.C.Milner (1985). “Islam and Malay Kingship”, dalam *Readings on Islam in Southeast Asia*, Institute of Southeast Asian Studies.
- A.H.John (1985). “Islam in Southeast Asia, Problems of Perspective”, dalam *Readings on Islam in Southeast Asia*, ISEAS.
- A.H.Johns (1955). “Aspects of Sufi Thought in India and Indonesia in the first half of the 17<sup>th</sup> Century”, *JMBRAS*, vol. XXVII, Pt. 1.
- A.H.Johns (1957). “Malay Sufism”, *JMBRAS*, vol. XXX, Pt. 2.
- Abdul Kadir Haji Mohammad (1989). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Disertasi M.A, tidak diterbitkan, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya.
- Abdul Majeed Mohammad Mackeen (1969). *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya*, New Haven, Yale University South East Asia Studies.
- Abdullah Ishak (1990). *Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, al-Rahmaniah.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali (1982). “Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor”, *Jurnal Sejarah Melaka*, bil. 7.
- Abu Bakar Abdullah (1986). *Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*, Terengganu: Pustaka Damai.
- Abu Hassan Sham (1981). “Perhubungan Melaka dengan Pasai di Abad ke-15 dan 16”, *Jurnal Sejarah Melaka*, bil.6, Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.
- Armando Cortesao (ed.) (1944). *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, vol. 2.
- Azizan Abdul Razak (1985). “The Law in Malacca Before and After Islam”, dalam *Islamika III*, Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- Drs. Zubir Usman (1982). “Melaka: Pusat Perkembangan Islam di Asia Tenggara”, dalam *Melaka dan Sejarahnya*, Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.
- E. Koek (1886). “Portuguese History of Malacca”, *JMBRAS*, No. 17.
- G.R. Tibbetts (1957). “Early Muslim Traders in South-East Asia”, *JMBRAS* vol. XXX, Pt. 1.
- H.E.Wilson (1972). “The Islamization of South-East Asia: A Re-Assessment”, *Journal of Historical Research*, vol. XV, No. 1.
- H.S.Paterson (1924). “An Early Malay Inscription from Trengganu”, *JMBRAS*, vol. II, Pt. III.
- Haji Zakaria bin Hitam (1982). *Pahang Dalam sejarah* Bil : 1.

- Hamdan Hassan (1980). "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ibn Ishaq Ibrahim bin Mohammad al-Farisi al-Astakhri (ed.) (1961). *al-Masalik wa al-Mamalik*, al-Jumhuriyyah al-'Arabiyyah al-Muttahidah, Qahirah: Dar al-Qalam.
- Ismail Hamid (1981). *The Emergence of Islamic Malay Literature; A Case Study of Hikayat*, University Microfilms International.
- Ismail Mat (1990). "Undang-Undang Islam dan Adat", *Seminar Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- J.A.E. Morley (1949). "The Arabs and the Eastern Trade", *JMBRAS* vol. XXII, Pt. 1.
- J.V.Mills (1974). "Arab and Chinese Navigators in Malaysian Waters in About A.D 1500", *JMBRAS* vol. 47, Pt. II.
- John Crawford (1967). *History of the Indian Archipelago*, vol. 11, London.
- John E.Kempe and Winstedt (ed.) (1947). "Malay Legal Digest", *JMBRAS*, vol. XXI, Pt. 1.
- John L. Esposito (ed.) (1987). *Islam in Asia, Religion, Politics and Society*, Singapore: Oxford University Press.
- Liaw Yock Fang (ed.) (1976). *Undang-Undang Melaka*, The Hague.
- Marco Polo (t.t). *The Travels of Marco Polo*, London: Aldo Ricci.
- Mohammad Yusoff Hashim (1982). "Legal Position of Traditional Malay Sultanate; A Comparative Study of Legal Codes of the Sultanates of Malacca, Johore, Perak and Kedah Prior to 1990", *International Colloquium on Malay Sultanate*, UNESCO, Kuala Lumpur.
- Mohammad Yusoff Hashim (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar bin Awang (1985). "The Trengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet", dalam *Islamika III*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas (1970). *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Prof. Hsu Yun-Tsiao (1968). *Notes on the Relations Between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate During 1464-1511*, Paper no. 84, International Conference on Asian History Kuala Lumpur: University Malaya.
- Prof. Wang Gungwu (1958). "The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South Cina Sea", *JMBRAS*, vol. 31, Pt. 2.
- Prof. Wang Gungwu (1968). "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, vol. XLI, Pt. 1.
- R.J.Wilkinson (1935). "Malacca Sultanate", *JMBRAS*, vol. 13, Pt. II, 1935.
- R.O. Winstedt (1938). "Sejarah Melayu", *JMBRAS*, vol. 16, Pt. 3.
- R.O.Winstedt (1958). "The Coming of Islam and Islamic Literature", *JMBRAS*, vol. XXXI, Pt. 3.
- Roland Braddell (1951). "Notes on Ancient Times in Malaya: Ho-Ling", *JMBRAS*, vol. XXIV, Pt.1.
- Ronald Braddell (1969). "Lung-Ya-Men and Tan Ma-His", *JMBRAS*, vol. 42, Pt. 1.
- S.Q.Fatimi (1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: MSRI.
- Shellabear (1896). *Sejarah Melayu*, Singapore.
- Sheridan L.A & Harry E.Groves (1979). *The Constitution of Malaysia*, Singapore: M.L.J (P.T.R).
- Syed Hussein al-Attas (1964). "Archipelagy, History and the Social Sciences in South East Asia", *Journal Muzium Persekutuan*, vol. IX.
- Syed Naquib al-Attas (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Syed Naquib al-Attas (1963). "Some Aspects of Sufism, As Understood and Practised Among the Malays", Singapore: MSRI.
- Syed Naquib al-Attas (1965). "Note on the Opening of Relations Between Cina and Malacca, 1403-05", *JMBRAS*, vol. 38, Pt. 1.
- Syed Naquib al-Attas (1969). *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T.W.Arnold (1975). *The Preaching of Islam*, Lahore.
- Victor Purcell (1947). "Chinese Settlement in Malacca", *JMBRAS* vol. XX, Pt. 1.
- W. Linehan (1947). "The King of 14<sup>th</sup> Century, Singapore", *JMBRAS*, vol. XV, Pt. II.
- W.G.Shellabear (1950). *Sejarah Melayu*, Singapore: The Malayan Publishing House Ltd.
- W.G.Shellabear (ed.) (1896). *Sejarah Melayu*, Singapore: Publishing House Limited.
- Wang Gungwu (1958). "The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South Cina Sea", *JMBRAS*, vol. XXXI, Pt. 2.
- Wang Gungwu (1968). "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, Pt. 1.
- Wilkinson, Law (1971). Part 1, "Introductory Sketches", dalam *Papers on Malay Subject*, Kuala Lumpur.
- Yahaya Abu Bakar (1982). "Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, bil 7, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Yang I-Fan (1969). *Islam in Cina*, Hong Kong: Union Research Institute.
- Yusoff Iskandar (1979). "Masyarakat Melaka 1400-1511 dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang-Orang Asing", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid (1983). *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.